

21/06/1999

Tiga senjata patahkan dakyah Pas

AHLI Umno perlu menggunakan tiga senjata untuk mematahkan dakyah Pas yang sentiasa menidakkan usaha kerajaan untuk meninggikan syiar Islam di negara ini, termasuk perbuatan mengkafirkan ahli Umno.

Senjata berkenaan ialah penjelasan perancangan sistematik kerajaan berkaitan ajaran Islam, usaha kerajaan mewujudkan rakyat yang bersyukur dan penilaian tahap ketakwaan seseorang hanya ditentukan Allah, bukan mana-mana individu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata senjata itu bertujuan membetulkan salah tafsiran Pas yang menggunakan agama untuk kepentingan politik pembangkang.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Agama Umno, berkata jika pembangkang menggunakan ayat al-Quran untuk mengukuhkan hujah mereka, ahli Umno juga perlu menggunakan ayat al-Quran bagi mematahkan dakyah itu.

Menurutnya, masalah dalam negara sekarang ialah penggunaan agama oleh Pas untuk mengelirukan rakyat, khususnya mereka yang tidak berpihak kepada mana-mana parti dan tindakan ini juga boleh menghakis pegangan orang Umno.

"Ketiga-tiga senjata inilah yang perlu dibawa balik oleh perwakilan Umno untuk menghadapi dakyah Pas dan mengelirukan mereka," katanya ketika menggulung usul agama dan sosial.

Dr Abdul Hamid berkata, perancangan pembangunan dan pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan tanpa mengabaikan generasi akan datang, membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak berdusta dengan agama.

Menurut beliau, sebenarnya Pas yang berdusta dengan agama kerana tidak mempunyai perancangan untuk generasi akan datang, termasuk anak yatim piatu.

Katanya, sesungguhnya orang yang berdusta dengan agama ialah mereka yang membiarkan anak yatim atau menyebabkan bangsa kehilangan kepemimpinan dengan dipimpin oleh orang yang tidak menentu iaitu berbohong kepada Islam.

"Inilah kita ... kita mengelak daripada berdusta dengan agama maka kita membuat perancangan rapi untuk pembangunan, pendidikan serta menyediakan peluang pekerjaan. Alhamdulillah, kita berjaya.

"Siapakah yang sebenarnya berdusta dengan agama ... bagi saya tidak lain tidak bukan ialah Pas, yang pandai bercakap saja. Mereka ahli agama tetapi tidak merancang masa depan kita, sedangkan Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) membuat perancangan," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, walaupun Dr Mahathir mungkin tidak akan melihat sebahagian daripada kejayaan perancangannya, beliau tetap merancang untuk kepentingan rakyat pada masa depan.

"Jadi, orang Umno perlu mematahkan hujah Pas dan menggunakan ayat al-Quran bila berhadapan dengan pembangkang. Pas kata mereka pejuang Islam, tetapi sebenarnya Umno pejuang Islam," katanya.

Selain itu, beliau berkata ahli Umno juga perlu memberi penjelasan kepada Pas bahawa Umno sentiasa menasihati ahlinya supaya bersyukur untuk mendapatkan keredaan Allah.

Untuk ini, beliau membawa kisah rakyat Sabak yang tidak bersyukur walaupun mempunyai teknologi terbaik dalam pembinaan empangan dan mempunyai hasil pertanian yang tinggi, sebagaimana yang dikisahkan dalam Surah Sabak.

Menurutnya, Pas sering membawa kisah itu untuk memberi gambaran seolah-olah Umno tidak akan berjaya dan bersyukur.

"Pas baca ayat itu supaya Umno gerun, seolah-olah rancangan Umno tidak boleh dipakai, tetapi budaya kita ialah segala kemakmuran yang dicapai, kita bersyukur," katanya sambil meminta ahli Umno turut menggunakan kisah itu apabila berhadapan dengan penyokong Pas.

"Harapan kita ialah kita mengelirukan mereka dengan membaca balik ayat berkenaan, biar mereka tercengang dengan istilah yang mereka selalu gunakan ... kita mesti kelirukan mereka," katanya.

Senjata ketiga yang wajar digunakan oleh ahli Umno ialah berhubung penilaian ketakwaan seseorang di sisi Allah, sekali gus untuk menangkis dakwah Pas yang sebelum ini mengkafirkan ahli Umno.

Untuk itu, Dr Abdul Hamid mengambil kisah malaikat menyamar sebagai manusia yang menghadiri majlis perbincangan di antara Nabi Muhammad dengan orang Islam berhubung isu siapa yang lebih baik keislamannya.

Berdasarkan pertanyaan malaikat itu, Nabi Muhammad menjelaskan orang Islam ialah mereka yang menunaikan lima rukun Islam, iman ialah sesiapa yang mempercayai enam rukun iman dan kecemerlangan dalam Islam pula ialah sesiapa yang menunaikan perintah Allah dengan bersungguh seolah-olah Allah melihatnya.

"Pengajaran daripada kisah ini ialah keislaman dan keimanan seseorang itu tidak boleh dinilai oleh sesiapa juga, melainkan Allah. Jadi, kita gunakannya untuk berhadapan dengan penyokong Pas," tegasnya.

(END)